



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1980

DR.12/1980

Naskah sah—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1980 dan, tertakluk kepada seksyen-kecil (2), hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta* dan ia boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) (a) Seksyen-seksyen 3 (b), 4 (1) (a) dan 4 (3);
(b) seksyen-seksyen 4 (1) (b), 4 (2) dan 4 (4); dan
(c) seksyen 7,

hendaklah, masing-masingnya, disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada—

- (i) 1hb Oktober 1977;
- (ii) 1hb Ogos 1972; dan
- (iii) 1hb Ogos 1975.

2. Akta Tabung Angkatan Tentera 1973, yang di dalam Akta ini disebut Akta ibu, adalah dipinda dengan memasukkan di tempat yang sesuai dalam seksyen 2 takrif-takrif yang berikut bagi “perbadanan” dan “skim itu”—

Pindaan bagi seksyen 2. Akta 101.

“perbadanan” ertinya perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 23;”

“skim itu” ertinya skim yang ditubuhkan di bawah seksyen 15A untuk pembayaran faedah-faedah kematian dan hilangupaya;”.

Pindaan
bagi
seksyen 3.

3. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “persaraan” dalam baris satu seksyen-kecil (1) perkataan-perkataan “dan lain-lain faedah”;
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “didaftarkan pada atau selepas 1hb Ogos, 1972 dan yang tidak layak mendapat pencen” dalam baris dua dan tiga seksyen-kecil (1) dengan perkataan-perkataan “menjadi pencarum”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) seksyen-kecil (2) perenggan (ba) yang berikut—
“(ba) pembayaran faedah-faedah kematian dan hilangupaya menurut skim itu;”.

Pindaan
bagi
seksyen 9.

4. (1) Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “didaftarkan pada atau selepas 1hb Ogos, 1972” dalam seksyen-kecil (1) dengan perkataan-perkataan “tidak berkelayakan untuk pencen”; dan
 - (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “jumlah gajinya” dalam seksyen-kecil (1) dengan perkataan-perkataan “gaji itu”.
- (2) Seksyen 9 Akta ibu dalam teks bahasa kebangsaan sahaja adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “dengan amaun yang ada dalam” dalam seksyen-kecil (2) dengan perkataan “bagi”.

(3) Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “suatu amaun yang sama banyaknya” dalam seksyen-kecil (2); dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “akaun askar-laskar itu” dalam seksyen-kecil (2) perkataan-perkataan “suatu amaun yang sama banyaknya dengan lima belas peratus dari gaji bulanannya yang dikira hingga lima sen yang hampir sekali”.

(4) Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “telah genap bilangan tahun perkhidmatan yang berkenaan yang melayakkannya” dalam seksyen-kecil (3) dengan perkataan “berkelayakan”.

(5) Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen-kecil (4) dengan seksyen-kecil (4) yang berikut—

“(4) Jika seseorang askar-laskar yang belum berkelayakan untuk pencen adalah diberi pencen hilangupaya atau ganjaran hilangupaya menurut peruntukan-peruntukan Peraturan-peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Lain-lain Pemberian) 1979, ia adalah juga layak dibayar, selain dari carum-carumnya kepada Tabung di bawah seksyen-kecil (1), segala pembayaran yang telah dibuat di bawah seksyen-kecil (2) yang ada dalam kredit akaunnya.”

5. Seksyen-kecil (2) seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
bagi
seksyen 11.

(a) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (b); dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan (ba) yang berikut—

“(ba) peruntukan dibuat oleh Lembaga untuk pembayaran ke dalam skim itu akan jumlah-jumlah wang sebagaimana yang difikirkan cukup oleh akcuari bagi maksud skim itu; dan”.

6. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan “kecuali bagi maksud menjelaskan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan sesuatu Negeri,” selepas perkataan “tuntutan” dalam baris sebelas.

Pindaan
bagi
seksyen 13.

7. Seksyen-kecil (1) seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “pada tarikh pelaburan itu” dalam perenggan (c) perkataan-perkataan “melainkan jika didapati dari Menteri dan Menteri Kewangan kelulusan bertulis bagi pelaburan yang sedemikian itu melebihi tiga puluh peratus yang tersebut itu”.

Pindaan
bagi
seksyen 15.

Seksyen
baru 15A.

8. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 15 seksyen 15A yang berikut—

“Penubuhan skim faedah-faedah kematian dan hilang-upaya. 15A. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu skim yang bernama skim faedah-faedah kematian dan hilangupaya untuk pembayaran faedah-faedah kematian dan hilangupaya mengenai askar-laskar yang menjadi pen-carum.

(2) Mengenai seseorang askar-laskar yang menjadi pen-carum dan yang—

(a) mati semasa dalam perkhidmatan; atau

(b) dilepaskan dari perkhidmatan oleh sebab kelemahan akal atau tubuh badan, maka hendaklah dibayar masing-masingnya—

(i) faedah-faedah kematian; atau

(ii) faedah-faedah hilangupaya,

mengikut kuantum dan kepada orang-orang sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 22.

(3) Bagi mengelakkan keraguan adalah dinyatakan bahawa—

(a) faedah-faedah kematian; atau

(b) faedah-faedah hilangupaya,

yang kena dibayar menurut skim itu tidaklah, masing-masingnya, menjadi apa-apa bahagian daripada harta pesaka—

(i) askar-laskar yang mati sedemikian itu; atau

(ii) askar-laskar sedemikian itu yang mati pada bila-bila masa sebelum faedah-faedah hilangupaya dibayar kepadanya.

(4) Jika apa-apa pembayaran faedah-faedah kematian atau hilangupaya dibuat dengan suci hati dan mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 22, maka pembayaran itu adalah menjadi penjelasan yang sepenuh dan sewajarnya akan segala tanggungan dan tiada

apa-apa tindakan, guaman atau pembicaraan untuk pembayaran itu atau yang mempersoalkan pembayaran itu boleh diambil atau diadakan terhadap Tabung, Lembaga atau mana-mana ahli, pegawai atau penjawat Lembaga.”.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 20 dengan seksyen 20 yang berikut—

Pindaan
bagi
seksyen 20.

“Ahli-ahli, pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat hendaklah disifatkan sebagai penjawat-penjawat awam.
N.M.B.
Bab 45.

20. Semua ahli, pegawai dan penjawat, mengikut mana yang berkenaan, bagi Lembaga, Panel Pelaburan dan mana-mana pertubuhan yang ditubuhkan di bawah seksyen 23 hendaklah disifatkan sebagai penjawat-penjawat awam dalam erti Kanun Keseksaan.”.

10. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (e) seksyen 22 perenggan-perenggan (ea), (eb) dan (ec) yang berikut—

Pindaan
bagi
seksyen 22.

- “(ea) pengurusan jumlah-jumlah wang yang dibayar masuk ke dalam skim itu menurut seksyen 11 (2) (ba);
- (eb) cara dan asas menghitung faedah-faedah kematian dan hilangupaya yang kena dibayar di bawah skim itu dan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan mengenainya untuk mencapai kuantum yang kena dibayar;
- (ec) orang-orang yang kepadanya faedah-faedah kematian dan hilangupaya kena dibayar, termasuk peruntukan bagi penamaan orang-orang itu oleh seseorang askar-laskar, cara menarik balik penamaan itu dan hal-keadaan dalam mana penamaan itu hendaklah dikira sebagai tidak berkuatkuasa lagi;”.

11. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 23 dengan seksyen 23 yang berikut—

Pindaan
bagi
seksyen 23.

“Lembaga boleh menubuhkan perbadanan.
23. (1) Lembaga boleh dari semasa ke semasa, atas nasihat yang diberi oleh Panel Pelaburan dan dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, melalui perintah yang

disiarkan dalam *Warta* menubuhkan suatu perbadanan dengan apa-apa nama sebagai-mana yang difikirkan patut oleh Lembaga untuk menjalankan dan bertanggungjawab atas penjagaan, pengelolaan dan pengurusan sesuatu projek, skim atau enterprais yang telah dirancang atau diusahakan oleh Lembaga bagi melaksanakan tugas-tugasnya di bawah Akta ini, dan perbadanan itu boleh berbuat demikian sama ada dengan sendirinya atau dengan membuat perkongsian atau apa-apa perkiraan untuk mendapat bahagian-bahagian keuntungan, kerjasama, usahaniaga bersama atau selainnya.

(2) Apajua wang yang dikehendaki bagi menubuhkan perbadanan hendaklah diperolehi dari wang yang ada disediakan untuk pelaburan di bawah seksyen 15 (1) (c).

(3) Peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga hendaklah dipakai bagi tiap-tiap perbadanan.”.

Pindaan
bagi
Jadual
Ketiga.

12. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan Jadual Ketiga yang berikut—

JADUAL KETIGA

(Seksyen 23)

1. Lembaga hendaklah melalui perintah yang menubuhkan sesuatu perbadanan membuat peruntukan berkenaan dengan mana-mana atau semua perkara yang berikut—

- (a) maksud-maksud dan tujuan-tujuan perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak-hak, kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas perbadanan itu, termasuk kuasa-kuasanya untuk meminjam;
- (c) pengurusan perbadanan itu;
- (d) perjalanan dan mesyuarat perbadanan itu, termasuk korum yang dikehendaki bagi mesyuarat dan cara mengundi di mesyuarat;
- (e) hal-hal kewangan perbadanan itu, akaun-akaun yang dikehendaki disimpan dan pengauditan akaun-akaun itu;
- (f) had-had dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat perbadanan itu; dan
- (g) perhubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan hak-hak Lembaga bagi mengawal perbadanan itu.

2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, peruntukan-peruntukan perintah yang menubuhkan sesuatu perbadanan hendaklah mengikat perbadanan itu.

3. Lembaga boleh pada bila-bila masa dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan meminda perintah yang menubuhkan sesuatu perbadanan.

4. (1) Lembaga boleh dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengarahkan bahawa sesuatu perbadanan yang ditubuhkan olehnya hendaklah digulung dan dibubarkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga.

(2) Apabila sesuatu perbadanan dibubarkan, asetnya hendaklah dipindah dan diletakhak pada Lembaga setelah segala tanggungan dijelaskan.

(3) Takat tanggungan sesuatu perbadanan kepada sipiutang-sipiutangnya hendaklah dihadkan kepada nilai asetnya pada masa mula berkuatkuasanya perintah yang mengarahkan perbadanan itu digulung atau dibubar.

(4) Lembaga tidak boleh pada bila-bila masa diminta menjelaskan tanggungan sesuatu perbadanan jika sekiranya aset perbadanan itu tidak cukup untuk menjelaskan tanggungannya.

5. Tiap-tiap perbadanan adalah suatu pertubuhan perbadanan dan hendaklah kekal turun-temuran dan mempunyai suatu meteri dan boleh mendakwa dan didakwa atas namanya, dan boleh membuat kontrak dan boleh memegang dan berniaga atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta takalih atau harta alih dan boleh melakukan segala hal dan perkara lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini dan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan sebagaimana yang dikenakan oleh Lembaga dalam tiap-tiap satu hal.

6. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meteri yang mengandungi suatu cap sebagaimana yang diluluskan oleh perbadanan itu dengan kelulusan Lembaga, dan meteri itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah, atau dibaharui sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan itu.

(2) Sehingga suatu meteri diluluskan di bawah perenggan ini, suatu cap mengandungi nama perbadanan yang melengkongi huruf "LTAT" boleh digunakan sebagai meteri.

(3) Meteri itu, atau cap yang disebut dalam perenggan-kecil (2), hendaklah disimpan dalam jagaan mana-mana orang yang diarahkan oleh perbadanan itu dan hendaklah disahkan oleh orang itu; dan semua suratikatan, dokumen dan lain-lain suratcara yang berupa sebagai dimeterikan dengan meteri itu, disahkan sebagai-mana tersebut di atas, hendaklah disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sahnyanya sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau suratcara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeterikan boleh disempurnakan dengan cara demikian itu juga oleh perbadanan itu; dan sesuatu dokumen atau suratcara yang demikian itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan oleh mana-mana pegawai atau penjawat perbadanan yang diberi kuasa secara am atau secara khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(4) Meteri tiap-tiap perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 untuk membuat peruntukan bagi—

- (a) pelaburan wang dalam mana-mana satu enterprais perniagaan atau perdagangan yang hendak dibuat melebihi had tiga puluh peratus daripada jumlah modal jelas bagi enterprais itu seperti yang dinyatakan pada masa ini di bawah seksyen 15 (1) (c) Akta;
- (b) penubuhan suatu skim bagi membayar faedah-faedah kematian dan hilangupaya;
- (c) perkara-perkara memperbaiki peruntukan-peruntukan berhubung dengan penubuhan, perjalanan dan penggulangan serta pembubaran perbadanan-perbadanan di bawah Akta;
- (d) peraturan-peraturan yang hendak dibuat berkaitan dengan skim bagi membayar faedah-faedah kematian dan hilangupaya; dan
- (e) perkara-perkara lain yang berkaitan, berhubungan atau berbangkit.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan mengadakan takrif-takrif bagi “perbadanan” dan “skim itu”. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 3 Akta untuk memperluaskan bidang tujuan Tabung itu supaya membenarkan Tabung itu digunakan untuk membayar faedah-faedah kematian dan hilangupaya, menurut skim yang akan ditubuhkan di bawah seksyen 15A yang dicadangkan itu (*fasal 8*). *Fasal-fasal 3 (b) dan 4 (1) (a)* masing-masing bertujuan meminda seksyen-seksyen 3 dan 9 (1) Akta supaya Akta itu dipakai mulai dari 1hb Oktober 1977 kepada semua askar-laskar yang menjadi pencarum dan bukan sahaja kepada mereka yang didaftarkan pada atau selepas 1hb Ogos 1972. *Fasal 4 (2)* mengandungi suatu pindaan kepada seksyen 9 (2) Akta dalam bahasa kebangsaan yang bermaksud menjelaskan bahawa bagi tiap-tiap caruman kepada Tabung oleh seseorang

askar-laskar itu akan dibayar juga caruman yang sama banyak amaunnya dari Kumpulanwang Disatukan. *Fasal 4 (3)* mengandungi suatu pindaan kepada seksyen 9 (2) Akta yang menaikkan carum bulanan dari Kumpulanwang Disatukan kepada kredit akaun askar-laskar dalam Tabung itu menjadi lima belas peratus dari gaji bulanan askar-laskar itu. Kenaikan carum ini disifatkan telah berkuatkuasa dari 1hb Oktober 1977. *Fasal 4 (5)* bertujuan menggantikan seksyen 9 (4) yang sedia ada dalam Akta dengan suatu peruntukan baharu di mana jika seseorang askar-laskar yang tidak berkelayakan untuk pencen diberi pencen hilangupaya atau ganjaran hilangupaya ia hendaklah juga dibayar caruman yang dibuat di bawah seksyen 9 (2) Akta daripada Kumpulanwang Disatukan.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 11 (2) Akta untuk mewajibkan dibuat peruntukan bagi pembayaran wang ke dalam skim faedah-faedah kematian atau hilangupaya bagi maksud skim itu sebelum Lembaga boleh mengisytiharkan apa jua keuntungan di bawah seksyen 11 Akta. Pindaan yang terkandung dalam *fasal 6* bertujuan membuat suatu pengecualian kepada seksyen 13 Akta dengan membenarkan, antara lainnya, supaya ditahan carum-carum bagi maksud menjelaskan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan sesuatu Negeri.

Fasal 7 mengandungi suatu pindaan kepada seksyen 15 (1) (c) Akta. Seksyen ini membenarkan Lembaga melaburkan lima belas peratus dari wang yang ada dalam Tabung dan dalam Kumpulanwang Rezab dalam enterprais perniagaan dan perdagangan tetapi jumlah kesemuanya wang yang dilaburkan dalam mana-mana satu enterprais yang sedemikian itu tidak boleh melebihi tiga puluh peratus daripada jumlah modal jelas bagi enterprais itu pada tarikh pelaburan itu. Pindaan itu, bagaimanapun, bertujuan membenarkan had tiga puluh peratus ini dilebihi dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan. Pindaan ini adalah bermaksud untuk mewujudkan kefleksibelan yang lebih bagi Lembaga membuat pelaburannya dan membolehkannya memperolehi kepentingan yang terbesar dalam enterprais-enterprais yang sesuai. Beberapa enterprais tertentu telah terbukti besar kemungkinannya di segi ekonomi dan adalah suatu polisi pelaburan yang baik jika Lembaga dibolehkan membuat penyertaan ekuiti yang lebih besar dalam enterprais-enterprais yang sedemikian itu, di samping membolehkan Lembaga memainkan peranan yang lebih besar dalam pengurusan dan pengawalannya.

Fasal 8 bertujuan mengadakan seksyen baru 15A yang membuat peruntukan bagi penubuhan suatu skim bagi membayar faedah-faedah kematian dan hilangupaya mengenai askar-laskar yang menjadi pencarum yang mati semasa dalam perkhidmatan atau dilepaskan dari perkhidmatan oleh sebab kelemahan otak atau tubuh badan. Faedah-faedah kematian dan hilangupaya tidak menjadi sebahagian daripada harta pesaka askar-laskar yang mati sedemikian atau askar-laskar sedemikian yang mati sebelum faedah-faedah hilangupaya dibayar kepadanya. Pembayaran faedah-faedah kematian atau hilangupaya dalam hal-keadaan yang

dinyatakan dalam seksyen 15A (4) Akta adalah menjadi penjelasan yang sepełuh dan sewajarnya akan segala tanggungan dan tiada apa-apa tindakan, guaman atau pembicaraan boleh diambil atau diadakan mengenainya.

Fasal 9 mengandungi suatu pindaan kepada seksyen 20 Akta untuk mensifatkan semua ahli, pegawai dan penjawat Lembaga, Panel Pelaburan dan sesuatu perbadanan sebagai penjawat-penjawat awam dalam erti Kanun Keseksaan. *Fasal 10* adalah bermaksud meminda seksyen 22 Akta untuk memperluaskan bidang kuasa membuat peraturan di bawah Akta supaya termasuk kuasa membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan skim bagi membayar faedah-faedah kematian dan hilangupaya. *Fasal-fasal 11 dan 12* bertujuan meminda Akta untuk memperbaiki peruntukan-peruntukan yang sedia ada berhubung dengan penubuhan, penjalanan dan penggulungan serta pembubaran perbadanan-perbadanan oleh Lembaga dan untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan perbadanan-perbadanan itu melalui perintah dalam *Warta* dan bukannya melalui peraturan-peraturan.

Lain-lain pindaan adalah pindaan-pindaan yang berkaitan, dan yang kecil atau berbangkit sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1024.]